

Perluas langkah strategik kembalikan kegemilangan FELDA

● Kerajaan kini cuba bergerak selangkah lagi dengan mengumumkan penyelesaian khusus dengan peruntukan, garis masa dan sasaran pelaksanaan

● Pengumuman Perdana Menteri di Jengka memperlihatkan kerajaan melihat FELDA sebagai institusi hidup perlu dipulih, dimodenkan dan diwariskan secara lebih adil kepada generasi seterusnya

Oleh Prof Madya Dr Mohd Na'eim Ajjis
bhrencana@bh.com.my

Sambutan Hari Peneroka FELDA dan 70 Tahun FELDA di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka, Selasa lalu menjadi medan penting menilai kembali jasa besar FELDA kepada negara, mengiktiraf pengorbanan peneroka dan melihat bagaimana kerajaan dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memilih menyantuni warga FELDA secara langsung melalui pengumuman dasar, projek dan peruntukan menyentuh kehidupan harian mereka.

Keputusan membawa sambutan Hari Peneroka keluar dari Kuala Lumpur ke kawasan FELDA adalah besar mak-

Kertas Putih 2019 turut mendedahkan selepas penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), kedudukan kewangan FELDA merosot dengan serius yang mana liabiliti Kumpulan FELDA meningkat daripada RM1.2 bilion pada 2007 kepada RM14.4 bilion pada 2017, manakala kerugian menecah RM4.9 bilion pada 2017.

Punca utamanya termasuk kepincangan tadbir urus, kelemahan pengurusan pelaburan, konflik kepentingan dan budaya pematuhan dalaman lemah.

Kerajaan terdahulu, khususnya era awal Tun Abdul Razak, beliau berjaya membina asas FELDA sebagai projek pembasmian kemiskinan luar bandar hebat. Namun, pada era kemudian, khususnya selepas perubahan model perniagaan dan penyenaraian FGV, berlaku kelemahan struktur membebaskan FELDA dan akhirnya menjejaskan peneroka.

Kerajaan selepas itu banyak menumpukan kepada diagnosis masalah dan pelan pemulihan. Kerajaan

kebenaran segera supaya sambungan air dan elektrik dapat dilaksanakan.

Bagi Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA, Perdana Menteri menyatakan projek ini bermula sejak 2013 membabitkan 43 tapak dan 8,024 unit.

Setakat ini, 12 tapak atau 2,458 unit sudah siap dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), manakala 13 tapak atau 2,546 unit masih dalam pembinaan. Bagi menyelesaikan 554 unit di tapak terbengkalai seperti Bukit Aping Timur, Pasak dan Keritih 5, kerajaan meluluskan dana tambahan RM150 juta. Projek Sentuhan Kasih FELDA menerima tambahan RM20 juta bagi menyelesaikan projek di Laka Selatan, Kedah dan Palong 16, Negeri Sembilan.

Selain rumah, isu lot generasi FELDA turut diberi perhatian. Sebanyak 31,954 lot dikenal pasti dengan jumlah besar di Johor dan Pahang. Namun, 21,932 lot masih belum menerima hak milik. Perdana Menteri memaklumkan perkara ini akan dibawa ke mesyuarat



Pensyarah di Pusat Pengajian Kerajaan (SoG), Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia

nanya. Perdana Menteri menegaskan perlu 'turun ke lapangan', dekat dengan peneroka, keluarga FELDA dan komuniti setempat.

Perniagaan kecil tempatan turut menerima limpahan ekonomi daripada kehadiran tetamu, manakala kos penganjuran dapat dikurangkan.

Dari sudut sejarah, FELDA bukan institusi biasa. Ia ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dengan matlamat awal membangunkan kawasan pedalaman dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Projek pertama FELDA dilaksanakan di Ayer Lanas, Kelantan pada 1957, sebelum FELDA membuka tanah rancangannya sendiri di Lurah Bilut, Pahang pada 1958.

Melalui Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 pula, model pembangunan tanah FELDA diperkukuh, termasuk pembukaan FELDA Taib Andak di Johor sebagai kawasan kelapa sawit pertama FELDA pada 1961.

Kertas Putih FELDA 2019 merekodkan FELDA membangunkan kira-kira 870,000 hektar tanah dan menempatkan 112,635 peneroka di 317 tanah rancangan, sekali gus menjadikannya antara agensi pembangunan tanah terbesar di dunia.

Dalam konteks semasa, kepentingan FELDA masih besar. Data mutakhir menunjukkan FELDA memiliki sekitar 0.86 juta hektar tanah, iaitu kira-kira 15 peratus daripada 5.86 juta hektar kawasan tanaman kelapa sawit negara. Peneroka FELDA pula 100,060 orang, sekitar 15 peratus daripada keseluruhan 654,531 pekebun kecil sawit. Ini membuktikan FELDA masih menjadi nadi ekonomi Bumiputera dan sektor sawit negara.

Namun, sejarah kejayaan ini tidak menutup kelemahan lampau. Perdana Menteri mengingatkan kerajaan kini terpaksa menanggung hampir RM980 juta hingga RM990 juta setahun untuk membayar hutang FELDA akibat kelemahan pengurusan dan keputusan pelaburan tidak teratur.

kini cuba bergerak selangkah lagi dengan mengemukakan penyelesaian khusus dengan peruntukan, garis masa dan sasaran pelaksanaan.

Isu pembangunan generasi baharu FELDA

Antara pengumuman paling penting ialah isu perumahan generasi baharu FELDA. Perdana Menteri mengumumkan lima inisiatif strategik, termasuk pindaan Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 bagi membolehkan lebih daripada satu unit rumah dibina di atas satu lot kediaman.

Draf pindaan diarahkan disiapkan dalam tempoh dua bulan untuk dibawa ke Jemaah Menteri dan dibentangkan pada tahun ini.

Selain itu, kira-kira 8,000 unit rumah sudah siap dan diduduki sehingga 31 Disember 2025 akan diberi

 Dalam konteks semasa, kepentingan FELDA masih besar. Data mutakhir menunjukkan FELDA memiliki sekitar 0.86 juta hektar tanah, iaitu kira-kira 15 peratus daripada 5.86 juta hektar kawasan tanaman kelapa sawit negara 

rat khas bersama menteri besar dan ketua menteri, termasuk perbincangan berkaitan kos infrastruktur dan peranan kerajaan negeri.

Pengumuman lain juga mencerminkan pendekatan menyeluruh. Model penjualan minyak sawit mentah akan dikembalikan kepada sistem asal sebelum penyenaarai FGV bagi memberi manfaat tambahan RM42 juta kepada warga FELDA melalui Koperasi Permodalan FELDA.

Sebanyak RM450 juta diperuntukkan untuk baik pulih dan bina baharu rumah petugas FELDA. Bagi masa depan anak muda, RM15.85 juta diumumkan untuk kemudahan digital dan kecerdasan buatan (AI), membabitkan 317 rancangan FELDA dengan bantuan asas RM50,000 setiap satu.

Dalam bidang pendidikan, RM10 juta diperuntuk bagi membaik pulih 269 sekolah rendah dan 101 sekolah menengah di kawasan FELDA. Dari sudut kesihatan komuniti, Skwad MAYA FELDA mempunyai 1,556 sukarelawan menerima tambahan RM3 juta.

Kesimpulannya, pengumuman Perdana Menteri di Jengka memperlihatkan kerajaan melihat FELDA sebagai institusi hidup perlu dipulihkan, dimodenkan dan diwariskan secara lebih adil kepada generasi seterusnya. Dengan membawa sambutan Hari Peneroka ke lapangan, mengakui beban hutang lampau, memperkukuh tatakelola dan meluluskan peruntukan langsung untuk rumah, sekolah, digital, kesihatan serta kebajikan petugas, kerajaan menghantar mesej jelas peneroka FELDA tidak dilupakan.

Inilah inti pati pengumuman Perdana Menteri, iaitu komitmen kerajaan untuk mengembalikan FELDA kepada tujuan asalnya membela rakyat, mengangkat martabat peneroka dan menjadikan tanah sebagai sumber kemakmuran bersama.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang
Redaksi

Pengarang Kumpulan
ZULKIFLI JALIL
zuljalil@bh.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital)
ZAINUDIN MOHD ISA
zainud@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)
NAZARUDIN ABU BAKAR
nazarudin@bh.com.my